

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABD KHALID BIN IBRAHIM**

**(BANDAR TUN RAZAK)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 27.11.2014**

**Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABD KHALID BIN IBRAHIM [ BANDAR TUN RAZAK ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah jaminan yang diberi oleh Kerajaan bahawa kepentingan dan hak rakyat terpelihara dalam pergabungan mega RHB Capital, CIMB dan MBSB terutama pencarum KWSP di mana KWSP merupakan antara pemegang saham penting dalam ketiga-tiga kumpulan perbankan di samping butiran transaksi.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Permohonan bagi penggabungan mega RHB Capital Berhad, CIMB Group dan MBSB akan dinilai oleh Bank Negara Malaysia (BNM) berpandukan faktor-faktor yang dinyatakan dalam Jadual 6 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 yang mengambil kira kriteria kehematan (*Prudential criteria*) dan kriteria kepentingan terbaik bagi Malaysia (*Best Interest of Malaysia Criteria*). Faktor-faktor ini akan memastikan kestabilan kewangan dan kepentingan terbaik Malaysia sentiasa dipelihara. Kriteria-kriteria tersebut adalah seperti berikut:

- i. Kriteria kehematan merangkumi kekukuhan kewangan, rekod perniagaan, pengalaman, ciri-ciri dan integriti pemohon, kekukuhan dan kebolehlaksanaan pelan perniagaan, ketelusan dan tahap kompleksiti struktur kumpulan korporat dan tahap sistem penyeliaan di negara asal pemohon seandainya pemohon tersebut merupakan pelabur asing; dan
- ii. Kriteria kepentingan terbaik bagi Malaysia pula mengambil kira kesan pelaburan tersebut ke atas tahap dan keadaan aktiviti ekonomi, sumbangan ke arah meningkatkan hubungan perdagangan dan pelaburan antarabangsa Malaysia dengan negara-negara lain, kesan

pelaburan terhadap kestabilan sistem kewangan dan tahap penyertaan rakyat Malaysia dalam sektor kewangan.

Penggabungan dalam sektor kewangan bagi mewujudkan institusi-institusi kewangan yang lebih besar, kukuh dan berdaya saing adalah didorong oleh kuasa pasaran. Pihak BNM akan terus memastikan proses penggabungan institusi-institusi kewangan dilakukan secara telus dan berhemah agar kepentingan dan hak rakyat serta kestabilan kewangan dipelihara.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' HASBULLAH BIN OSMAN  
[ GERIK ]**

**TARIKH : 27 NOVEMBER 2014 (KHAMIS)**

**SOALAN : 47**

**Dato' Hasbullah bin Osman [ Gerik ] minta MENTERI  
PENGANGKUTAN menyatakan :-**

- (a) selepas kejadian malang menimpa MH17, adakah laluan penerbangan di kawasan pergolakan Rusia-Ukraine masih digunakan oleh pesawat perdagangan Malaysia serta dunia; dan
- (b) adakah laporan yang diperolehi hasil daripada penemuan kotak hitam MH17 akan dibentang pada rakyat Malaysia dan nyatakan sepenuhnya isi kandungan laporan kotak hitam tersebut.

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selepas kejadian malang menimpa MH17, laluan penerbangan di kawasan pergolakan Rusia-Ukraine telah dielakkan sama sekali oleh pesawat syarikat Penerbangan Malaysia (MAS). Begitu juga bagi pesawat-pesawat perdagangan lain di seluruh dunia.
  
- b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hasil penyiasatan kotak hitam bagi nahas pesawat MH17 telah dimasukkan ke dalam laporan awal siasatan dimana laporan tersebut telah disiarkan kepada umum pada 9 September 2014 jam 4.00 petang. Laporan tersebut boleh diperolehi daripada laman web *Dutch Safety Board* dan Jabatan Penerbangan Awam, Malaysia (DCA).